

KPDNHEP Terengganu lantik 40 peruncit sebagai pusat bekalan barang

RAHAYU MUSTAFA | 26 Mac 2020



Penguatkuasa KPDNHEP Terengganu membuat pemantauan bagi memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukup. Foto: KPDNHEP Terengganu

KUALA TERENGGANU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu melantik 40 peruncit terpilih atau Dedicated-Retailer (DDR) di seluruh negeri sebagai pusat bekalan barang keperluan asas.


Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, pelantikan itu membentarkan DDR menyimpan barang kawalan melebihi 20 peratus daripada had simpanan dalam lesen bagi memastikan tiada gangguan bekalan barang keperluan asas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasakan.

Menurutnya, pihaknya telah membuat pemantauan di 104 premis perniagaan bermula 18 Mac hingga semalam berdasarkan barang yang menjadi tumpuan pengguna dan mendapati bekalan keperluan asas adalah mencukupi dan mudah diperolehi.

"Sehubungan itu, pengguna dinasihatkan agar tidak membuat pembelian secara panik dan merancang pembelian barang keperluan asas berdasarkan kepada keperluan sebenar.

"Dalam tempoh pelaksanaan PKP ini, semua pasar raya, kedai serbaneka, kedai runcit dan pasar awam dibuka mengikut tempoh masa perniagaan sebagai mana yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Justeru, tidak ada masalah kepada pengguna untuk mendapatkan bekalan barang keperluan asas masing-masing," katanya dalam satu kenyataan kepada media hari ini.



Telur antara barang keperluan yang diperiksa agar bekalan sentiasa ada. Foto: KPDNHEP Terengganu

Saharuddin turut menasihatkan pengguna agar lebih berhati-hati semasa membuat pembelian barang tumpuan seperti topeng muka dan sanitizer secara dalam talian supaya tidak menjadi mangsa penipuan.

Ini kerana katanya, ada sesetengah pihak yang cuba mengambil kesempatan dengan menawarkan item berkenaan dengan harga yang tidak munasabah.

Dalam masa sama, beliau mengingatkan peniaga agar tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang secara tidak munasabah, menyorok bekalan barang dan memanipulasi harga barang di pasaran.

"Kita juga mengharapkan kerjasama peniaga untuk melaksanakan kawalan secara kendiri dengan menentukan had jualan barang yang bersesuaian bagi individu atau keluarga dalam memastikan bekalan barang keperluan asas pengguna sentiasa mencukupi.

"Sekiranya terdapat sebarang aduan atau kemosykilan, bolehlah hubungi Bilik Gerakan KPDNHEP Negeri Terengganu dan semua cawangan yang beroperasi dari jam 8 pagi sehingga 6 petang," katanya.



KPDNHEP Terengganu telah membuat pemantauan di 104 premis perniagaan bermula 18 Mac hingga semalam berdasarkan item-item yang menjadi tumpuan pengguna dan mendapati bekalan barang keperluan asas adalah mencukupi dan mudah diperolehi. Foto: KPDNHEP Terengganu

<https://www.sinarharian.com.my/article/75669/EDISI/Terengganu/KPDNHEP-Terengganu-lantik-40-peruncit-sebagai-pusat-bekalan-barangan>